

# PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian, jabatan dan badan berkanun serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Objektif pengauditan penyata kewangan ini ialah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023 menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 mengandungi perkara seperti berikut:

- Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023**
- Bahagian II : Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan**
- Bahagian III : Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12**
- Bahagian IV : Fokus Utama Audit (Key Audit Area)**
- Bahagian V : Pengauditan Pengurusan Kewangan**
  - Pengauditan Pejabat Perwakilan

3. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 28 Februari 2024. Penyata ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

4. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard: Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*. Sijil Ketua Audit Negara turut mengandungi Perenggan Hal-hal Lain yang mana Kerajaan Persekutuan hendaklah mengurangkan defisit fiskal dan kebergantungan kepada pinjaman baharu dengan

meningkatkan kecekapan kutipan hasil, melaksanakan perbelanjaan bersasar dan mempunyai nilai untuk wang (*value for money*) serta memantapkan tatakelola kewangan syarikat-syarikat Kerajaan.

5. Analisis Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi menilai prestasi kewangan telah dibuat terhadap Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan serta Penyata Akaun Memorandum. Prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023 berada pada tahap yang lebih baik berbanding tahun 2022.

6. Laporan Ketua Audit Negara kali ini memberi tumpuan kepada dua isu, iaitu laporan prestasi pelaksanaan separuh penggal Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Fokus Utama Audit (Key Audit Area) terhadap perkara material serta signifikan yang memberi kesan kepada prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan.

7. Jabatan Audit Negara mengambil langkah proaktif untuk melaporkan prestasi pelaksanaan projek RMKe-12 setakat akhir tahun 2023 bagi memastikan Kerajaan Persekutuan dapat menambah baik prestasi pelaksanaan dan menyiapkan projek dalam tempoh RMKe-12 yang akan berakhir pada tahun 2025.

8. Fokus Utama Audit dalam laporan ini berkaitan Pengurusan Liabiliti Persekutuan dan Pengurusan Akaun Belum Terima. Ia adalah sejajar dengan pemantapan tatakelola pengurusan kewangan dan usaha Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan hasil serta mengurangkan kebergantungan pinjaman bagi mengatasi defisit fiskal.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia serta jabatan lain yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(**DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI**)  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**  
**9 September 2024**